

Pendaftaran Probet (Probate)

PENGENALAN

Probet adalah satu proses pentadbiran harta pusaka seseorang yang meninggal dunia untuk ditadbir dan dipindah kepada waris atau pihak lain. Di Sarawak, pentadbiran estet ditadbir berdasarkan kepada Ordinan Pentadbiran Harta Pusaka (*Administration of Estates Ordinance*) Bab 80 dan duti harta pusaka berdasarkan kepada Ordinan Duti Harta Pusaka (*Estate Duty Ordinance*) Bab 29.

Surat Kuasa Pentadbir (*Letter of Administration*) diberi kepada seseorang untuk mentadbir harta pusaka si mati apabila si mati meninggal dunia tanpa wasiat.

Surat Probet diberi kepada pentadbir bagi seseorang yang meninggal dunia berwasiat. Pemohon surat probat hendaklah waris yang sah di dalam wasiat.

Pegawai Probet adalah Pegawai Daerah.

UNDANG-UNDANG BERKAITAN

Ordinan Pentadbiran Estet (*Administration of Estate Ordinance*), Bab 80
Ordinan Duti Harta Pusaka (*Estate Duty Ordinance*), Bab 29

SIAPA YANG LAYAK MEMOHON (SYARAT)

Waris yang dewasa dan waras adalah berhak untuk memohon dan diberi Surat Kuasa Pentadbir mengikut keutaman di bawah Seksyen 8, Ordinan Pentadbiran Harta Pusaka seperti berikut:

1. **Duda/Balu Simati** (sekiranya Simati berkahwin) atau;
2. **Anak- Anak Simati** (sekiranya Simati mempunyai anak dan Isteri/Suami Simati telah meninggal dunia) atau;
3. **Bapa/Ibu Si mati** (sekiranya Simati bujang) atau;
4. **Adik-beradik Simati** (sekiranya Simati bujang dan IbuBapa Simati telah meninggal dunia) atau;
5. **Cucu Simati** (sekiranya anak dan isteri Simati telah meninggal dunia) atau;
6. **Pemiutang Si Mati.**

Pemohon Surat Probet hendaklah waris yang sah di dalam wasiat.

CARA PERMOHONAN (TATACARA)

Pemohon dikehendaki membawa dokumen rasmi antaranya seperti berikut:

1. **Sijil Kematian Simati** ASAL serta salinan
2. **Surat Akuan Sumpah** jika tiada Sijil Kematian
3. Semua **dokumen asal harta peninggalan** Si Mati dan salinan
4. **Surat Wasiat** asal beserta dengan Surat Sumpah saksi (sekiranya mempunyai Wasiat)
5. Salinan **kad Pengenalan Waris-Waris**
6. Surat Persetujuan waris jika tidak dapat hadir semasa pendaftaran (*letter of consent*)
7. Salinan **Sijil Nikah** (untuk kematian suami/isteri) / Sijil Cerai
8. Salinan **Sijil Kelahiran Waris-Waris** (anak-anak Simati sahaja)

***Suka diingatkan, Ketua Kaum atau Ketua Masyarakat wajib untuk mengesahkan segala keterangan permohonan oleh ahli waris. Sehubungan itu Ketua Kaum atau Ketua Masyarakat harus hadir semasa permohonan di buat atau pada masa berlainan (bila-bila masa, secepat mungkin) bagi membuat pengesahan terhadap maklumat pemohon berkenaan.**